Buletin KOPLIT

Jun 2023
(Untuk Anggota Sahaja)

Bil 1 : 2023

KOPERASI PERUMAHAAN LEPASAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERHAD (KOPLIT)

A-03-2, Jalan Medan Pusat Bandar 5, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
Tel: 03-8927 4244, Fax: 03-8927 5244



ISI KANDUNGAN

01 Ucapan Pengerusi

Kata-kata aluan Pengerusi KOPLIT. **m/s 02**

02 Ahli Lembaga Koperasi

Senarai Jawatan & Biro ALK Koplit sesi 2022/2023. **m/s 03**

03 Anggota Koperasi

Maklumat semasa keahlian KOPLIT. **m/s 04**

04 Info & Aktiviti Koperasi

Info perkhidmatan KOPLIT, keahlian koperasi, manfaat koperasi & aktiviti KOPLIT. **m/s 05-08**

05 Tazkirah

Ta'awun dalam berkoperasi. **m/s 09-10**

1 UCAPAN PENGERUSI

Dr Ahmad Tarmizi Hashim
Pengerusi
KOPLIT

Kata-Kata Aluan

PENGERUSI KOPLIT

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum wbt.

Pertama sekali marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan izin kurniaNya dapat KOPLIT menghasilkan buletinnya yang pertama pada tahun 2023. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Biro Kebajikan dan Pendidikan yang diketuai oleh Pn Hajah Che Azizah dan dibantu oleh Pn Hajah Alfiah dan M.A. Zaaba.

Inisiatif untuk menerbitkan buletin KOPLIT ini adalah sebagai usaha kita untuk memberi pelbagai maklumat asas yang berkaitan dengan KOPLIT dan aktivitinya kepada ahli koperasi secara penulisan berkala yang boleh dijadikan rujukan pada setiap masa. Ini termasuk struktur organisasi,pelbagai pakej kebajikan untuk ahli yang aktif, aktiviti ekonomi dan perniagaan yang dilaksana oleh KOPLIT untuk dikongsi bersama di kalangan ahli koperasi. Ruangan tazkirah juga dimasukkan untuk mendidik ahli supaya faham bahawa penglibatan ahli di dalam koperasi adalah atas dasar yang betul iaitu tolong menolong sebagaimana yang ditekankan di dalam Surah Al-Maidah ayat 2 yang bermaksud "Dan tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan taqwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertaqwa lah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksaNya."

Bahan-bahan menarik di dalam Buletin ini akan dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Buletin dwitahunan ini amat mengharapkan sumbangan idea daripada ahli semua. Sebagaimana yang kita tahu bahawa koperasi ditubuhkan oleh kita sendiri dan untuk kebajikan kita bersama. Kita perlu memanfaatkan sepenuhnya segala aktiviti dan projek yang telah dan akan dilaksanakan oleh KOPLIT. Walau bagaimanapun segala kemudahan dan cadangan mestilah selaras dengan akta koperasi dan juga undang-undang kecil KOPLIT. Ini juga tertakluk kepada kemampuan sumber dan kewangan koperasi.

Akhir sekali marilah sama-sama kita memohon pertolongan dari Allah SWT agar dimudahkan segala urusan kita untuk membangunkan bersama koperasi kita ini. Semoga usaha kecil kita ini diterima sebagai amal soleh.

2 AHLI LEMBAGA KOPERASI

AHLI LEMBAGA KOPERASI
SESI 2022/2023

- **PENGERUSI**
  DR. AHMAD TARMIZI BIN HASHIM

- **TIMBALAN PENGERUSI**
  DR. NIK MUTASIM BIN HJ NIK AB RAHMAN

- **SETIAUSAHA**
  MUHAMMAD MUS'AB BIN SA'ARI

- **PENOLONG SETIAUSAHA**
  AZRONNIZAN BIN AZIZ

- **BENDAHARI**
  ROSLAN NADZRI BIN AZIZ

- **PENOLONG BENDAHARI I**
  EISA BIN MOHAMED

- **PENOLONG BENDAHARI II**
  HARYADI BIN KATMUN

- **BIRO KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN**
  CHE AZIZAH BINTI ISMAIL

- **PENOLONG BIRO KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN I**
  ALFIAH BINTI SAMINGAN

- **PENOLONG BIRO KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN II**
  M.A. ZAABA BIN YUSOF

- **BIRO PEMBANGUNAN PERNIAGAAN**
  ROSLI BIN ADAM

- **PENOLONG BIRO PEMBANGUNAN PERNIAGAAN**
  HAMDAN BIN SALEH

3 ANGGOTA KOPERASI

Bilangan Anggota

494 Anggota

Bilangan Syer Penuh (min. RM500)

222 Anggota

Status Keahlian

156 ahli aktif
118 ahli tidak aktif

KEANGGOTAAN MENGIKUT ZON



Nota:
Kuala Lumpur Utara (KLU)
Kuala Lumpur Selatan (KLS)
Selangor Utara (SLU)
Selangor Selatan (SLS)
Di Luar Kawasan (DLK)

Pemangku Pengurus:
Dr. Ahmad Tarmizi Bin Hashim

Pegawai Pentadbiran:
Cik Nulkirah Binti Manla

Pegawai Kewangan:
Cik Nurul Basyirah Binti Yasni

Pengurusan & staf KOPLIT

Daftar keahlian KOPLIT

& jadi pencarum yang aktif

Saham: RM 500 (sepanjang keahlian)
Caruman Bulanan: RM 50

Pecahan Caruman Bulanan	RM
Saham / Yuran	10
Simpanan Al-Wadiah	27
Simpanan Hartanah	5
Skim Kebajikan	5
Sumbangan Pentadbiran	3

Simpan & nikmati pelbagai manfaat
*Tertakluk terma & syarat

MANFAAT KEAHLIAN KOPLIT (RINGKASAN)

Kemudahan Kredit

- Pinjaman Qardhul Hasan
- Pembiayaan Kenderaan
- Skim Pembiayaan Barangan Pengguna
- Pembiayaan Projek Mudharabah

Sumbangan Kebajikan

- Kematian
- Kesihatan
- Asnaf
- Musibah
- Pendidikan
- IPT
- Keluarga

Email: koplit94@ymail.com

019-220 6244

PERKHIDMATAN DI KOPLIT

1. Pembaharuan Takaful kenderaan dan cukai jalan
2. Takaful Projek – Kebakaran, kontraktor All Risk, Workmen Compensation
3. Takaful Kebakaran – kediaman, bangunan perniagaan dan kilang.
4. Takaful Kelompok /pelancongan – Short GPA (lewat dalam Malaysia)

MANFAAT KOPERASI
1) Kemudahan Kredit

1 PINJAMAN QARDHUL HASAN

- PINJAMAN PATUH SYARIAH
- MEMBANTU ANGGOTA YANG MEMERLUKAN
- TEMPOH BAYARAN 30 BULAN
- RM 3,000 (DALAM SATU MASA)

2 PEMBIAYAAN KENDERAAN

- PERUNTUKAN SEBANYAK RM 60,000 SETAHUN
- KONTRAK BAI' BITHAMAN AJIL
- TEMPOH 60 BULAN (TAHUN)

3 SKIM PEMBIAYAAN BARANGAN PENGGUNA

- KOPERASI AKAN MEMBELI DAN MENJUAL KEMBALI KEPADA ANGGOTA
- HAD PEMBIAYAAN RM 10,000
- TEMPOH 30 BULAN

4 PEMBIAYAAN PROJEK MUDHARABAH/USAHASAMA

- PROJEK MUDHARABAH - USAHASAMA ANTARA KOPERASI (PEMODAL) DAN PENGUSAHA
- PROJEK YANG BERISIKO RENDAH

KOPLIT

9 PERKARA

MANFAAT KOPERASI
2) Sumbangan Kebajikan

01 KEMATIAN

Ahli : RM 1000
Ibu/Bapa : RM 500
Suami/Isteri : RM 500
Anak-anak : RM 300
(12 tahun ke bawah, termasuk meninggal semasa lahir)

02 SAKIT (AHLI)

Rawatan di hospital @ warded
(RM 100/hari, Maksimum RM 500)

03 ANAK YATIM/FAKIR

Bantuan berkala/awal persekolahan (Anak Ahli)
RM 200

04 MUSIBAH

Banjir / Kebakaran : RM 500

05 CEMERLANG AKADEMIK (ANAK AHLI)

SPM (5A & ke atas) : RM 200
STPM (4A ke atas) : RM 200

06 SAGUHATI KEMASUKAN KE IPT

RM 200 (sekali sahaja)

07 GRADUAN IPT (DIPLOMA/IJAZAH)

Anak-anak Ahli : RM 300 (sekali sahaja)

08 PERKAHWINAN (AHLI)

Kahwin kali pertama RM 500

09 KELAHIRAN ANAK (AHLI)

RM 200

Nota:

Tertakluk terma & syarat.
Sumbangan ini tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa koperasi

AKTIVITI KOPERASI

AKTIVITI KEBAJIKAN

Tempoh: 1 Januari - 24 Jun 2023

PERKAHWINAN

20/01/2023
MUHAMMAD IMRAN BIN ROSLI
RM500.00

01

KELAHIRAN ANAK

03/02/2023
TASNIM BINTI MOHD TAIB (A)
RM200.00

06/03/2023
FATIN ATHIRAH BINTI ABDUL SANI (B) RM200.00

06/03/2023
MUNIRAH NAZIHAH BINTI YASNI (C)
RM200.00

19/04/2023
NURUL SHAHRIDAH MD SALEH (D)
RM200.00

02

CEMERLANG AKADEMIK

09/06/2023 (SPM)
WAN NASRUL IMAN BIN WAN MANSUR (F)
RM200.00

03

GRADUAN IPT

07/03/2023 (Ijazah)
HANIS ZAHIDAH BINTI MAHYIDDIN
RM300.00

09/06/2023 (Ijazah)
WAN AHMAD NAUFAL BIN WAN MANSUR (G)
RM300.00

04

MASUK HOSPITAL @ WARDED

03/02/2023 (1 hari)
SALMIAH BINTI HASHIM
RM100.00

13/03/2023 (2 hari)
NULKIRAH BINTI MANLA
RM200.00

10/04/2023 (11 hari)
NORAZILA BINTI MAT (E)
RM500.00

05







TA'AWUN DALAM BERKOPERASI

Oleh: Dr. Nik Mutasim Bin Hj. Nik Ab. Rahman

Dalam ilmu kemanusiaan, manusia disifatkan sebagai makhluk sosial yang tidak dapat tidak memerlukan bantuan orang lain dalam memenuhi keperluan hidup dan keinginannya yang pelbagai. Dalam ilmu ekonomi keinginan atau kehendak manusia dikatakan tidak terbatas (unlimited wants). Sumber yang ada untuk memenuhi keperluan pula dikatakan terhad (limited resources). Ketidakseimbangan sentiasa wujud antara kedua-dua unsur ini. Justeru, keadaan ini menjurus kepada wujudnya berbagai macam permasalahan ekonomi yang berterusan dan tidak kunjung selesai, bahkan semakin hari semakin gawat. Permasalahan ini tidak terhenti setakat itu sahaja bahkan melebar kepada timbulnya permasalahan politik dan sosial dalam kehidupan masyarakat.

Berbagai teori dan model ekonomi, sosial dan politik telah dikemukakan dan dipraktikkan manusia, namun semuanya ternyata berakhir dengan kegagalan atau jauh tersasar dari apa yang dihajatkan. Kenapa demikian? Jawapannya tuntas iaitu kerana segala teori dan model itu tidak mengambil panduan dari apa yang diperintahkan oleh Allah SWT. Ada yang mengambilnya namun separuh-separuh atau tidak menyeluruh. Al-quran sebenarnya telah menegaskan bahawa jalan penyelesaiannya tidak lain melainkan mengambil Islam sepenuhnya sebagai sistem kehidupan, samada dalam konteks individu, kelompok mahupun masyarakat.

TAZKIRAH

Sambungan...

TA'AWUN DALAM BERKOPERASI

Sememangnya koperasi merupakan antara instrumen yang mantap untuk diketengahkan bagi menangani permasalahan ekonomi masyarakat. Dari sudut konsep ianya suatu yang baik. Istilah koperasi itu sendiri membawa makna kerjasama dan melambangkan usaha-usaha kearah mencapai kepentingan bersama antara ahli-ahli. Islam menawarkan satu prinsip yang jelas dalam hal ini iaitu taawun untuk diterapkan. Firman Allah SWT dalam surah Al-Ma'idah ayat 2, bermaksud: "...Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah. Sungguh, Allah sangat berat siksaan-Nya" .

Ta'awun bermaksud tolong menolong, bantu membantu dan lengkap melengkapi antara satu sama lain. Dari ayat di atas, disebalik gesaan untuk ta'awun, terdapat beberapa syarat yang perlu disempurnakan. Islam mengarahkan tujuan dan bentuk tolong-menolong itu hanya dalam hal kebaikan dan untuk segala perkara yang baik serta bermanfaat sesuai dengan peraturan serta dengan izin Allah SWT. Ta'awun tidak sekali-kali dalam perkara dosa dan permusuhan. Ta'awun juga disyaratkan didasarkan atas iman, taqwa, kebenaran, dan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT.

Dalam surah At-Taubah ayat 71 Allah SWT mendetailkan lagi syarat-syarat lain bagi kesempurnaan ta'awun. "Dan orang-orang yang beriman, laki-laki dan perempuan, sebagian mereka menjadi penolong bagi sebagian yang lain. Mereka menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar, melaksanakan shalat, menunaikan zakat, dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka akan diberi rahmat oleh Allah. Sungguh, Allah Maha Perkasa, Maha Bijaksana".

Demikian, ta'awun dalam Islam merangkumi penerapan dua bentuk hubungan iaitu hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia. Kedua aspek ini tidak boleh dipisahkan sama sekali. Pelaksanaannya akan tempang sekiranya berlaku pemisahan antara keduanya. Terbukti dalam sejarah, ta'awun dalam kalangan kaum muslimin yang diasaskan atas dua unsur ini telah melahirkan pelbagai kekuatan dan solidariti. Sabda Nabi Rasulullah SAW Artinya: "Seorang mukmin dengan mukmin lainnya bagaikan satu bangunan yang sebagiannya menguatkan bagian lainnya." [HR. Al-Bukhari].
Wallahu 'Alam.

Hubungi Kami:

KOPERASI PERUMAHAN LEPASAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERHAD

A-03-2, Jalan Medan Pusat Bandar 5,
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor.
Tel: 03-8927 4244, Fax: 03-8927 5244

JOM JADI AHLI KOPLIT

BULETIN KOPLIT
BIL 1

Rekabentuk Grafik
AIFAS MEDIA
www.aifasmedia.com